

Disyaki rogol gadis bawah umur

Ketua balai kena reman

HARAPAN METRO 20/10/09 M/S 11

>>Oleh Mohd Sabran Md Sani

sab@hmetro.com.my

KOTA BHARU: Harapkan pagar, pagar makan padi. Begitu yang berlaku apabila seorang ketua polis balai (KPB) yang diberikan amanah menjaga keselamatan dan ketenteraman awam ditahan reman selama seminggu bermula semalam selepas disyaki merogol gadis bawah umur.

Difahamkan, tindakan reman anggota polis berpangkat sarjan mejar itu dilakukan selepas keluarga mangsa membuat laporan polis berhubung kejadian menimpa anak gadisnya yang masih di bangku sekolah.

Ekoran laporan terbabit, suspek berusia lingkungan 40-an ditahan di balai polis tempatnya bertugas selepas beberapa jam aduan terhadapnya dilakukan keluarga mangsa, kelmarin.

Difahamkan, suspek ditahan di Penjara Pengkalan Chepa sebelum perintah tahanan reman dikeluarkan Majistret Azrol Abdullah pagi semalam, dalam prosiding ringkas di kamarnya.

Ketika prosiding berlangsung, suspek diwakili peguamnya, Datuk Shukri Mohamad.

Dia ditahan reman hingga 25 Oktober ini mengikut Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah untuk siasatan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Abd Rahim Hanafi, ketika dihubungi mengesahkan me-



Kes ini boleh dianggap terpencil kerana membabitkan peratusan kecil jika dibandingkan 4,000 anggota yang berkhidmat di negeri ini tetapi tindakan tegas tetap akan diambil."

>>Datuk Abd Rahim Hanafi
Ketua Polis Kelantan

nenai penahanan reman KPB terbabit dan kini di gantung tugas sehingga siasatan kes selesai.

"Kes ini boleh dianggap terpencil kerana membabitkan peratusan kecil jika dibandingkan 4,000 anggota yang

berkhidmat di negeri ini tetapi tindakan tegas tetap akan diambil.

"Siasatan terhadap anggota terbabit akan dijalankan mengikut prosedur biasa dan kita sudah mengambil tindakan dengan menggantung tugasnya sehingga siasatan selesai," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Katanya, beliau tidak akan berkompromi terhadap mana-mana anggotanya yang melakukan kesalahan jenayah termasuk melanggar disiplin kerana perbuatan itu satu kesalahan serius.

Pada awal bulan ini, seorang pegawai polis berpangkat cif inspektor yang bertugas di sebuah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) ditahan untuk siasatan berikutan dakwaan memaksa gadis bawah umur melakukan seks oral.

Abd Rahim dalam sidang akhbarinya sebelum ini mengesahkan dua pegawai kanan polis antara lapan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kelantan yang diambil tindakan tatatertib berikutan melanggar peraturan dan disiplin pasukan keselamatan itu.

Tindakan tegas tanpa kompromi itu dilakukan selepas anggota berkenaan menyalahgunakan kuasa serta disiplin ketika menjalankan tugas.

Semua anggota terbabit sedang disiasat selepas didapati melanggar undang-undang serta peraturan PDRM ketika menjalankan tugas, selain kini ditempatkan di bilik gerakan untuk menjawab panggilan telefon.